

19 MAY 2001

Mahathir-Umno

UMNO SERIUS AMBIL TINDAKAN, TIDAK TUNDUK PADA UGUTAN KELUAR PARTI

JOHOR BAHRU, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno tidak akan tunduk kepada sebarang ugutan keluar parti oleh mana-mana anggotanya yang didapati bersalah dalam kes politik wang oleh Lembaga Disiplin parti.

Perdana Menteri berkata jika Umno tunduk kepada ugutan sedemikian, ia akan dilihat sebagai tidak serius dalam tindakannya.

"Kalau kita tunduk, bermakna kita tidak serius (dalam mengambil tindakan)," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat agung MIC di sini, hari ini.

Presiden Umno itu percaya bahawa anggota-anggota Umno yang membuat ugutan keluar parti hanya merasa sedikit tersinggung dan sedikit kecewa terhadap tindakan yang dikenakan ke atas mereka tetapi akan menerimanya dengan fikiran terbuka selepas berfikir panjang.

"Saya percaya anggota Umno kadang-kadang membuat kenyataan agak terlalu cepat... mungkin dia akan fikir semula," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Umno Bahagian Muar Datuk Abdullah Omar yang dilucutkan jawatannya oleh Lembaga Disiplin parti pada 5 Mei setelah didapati terlibat dalam politik wang.

Abdullah, Timbalan Pengerusi Eksekutif KFC Holdings (M) Bhd, memenangi jawatan itu selepas menewaskan penyandang, Malik Munip, dalam mesyuarat perwakilan bahagian itu pada 28 April.

Selepas didapati bersalah dan dilucutkan jawatan, Abdullah dilaporkan berkata beliau mungkin keluar dari Umno tetapi berkata langkahnya itu bukanlah ugutan ke atas Umno yang akan mendengar rayuannya esok.

Abdullah antara lain berkata bahawa sumbangan 57 komputer oleh KFC Holdings kepada masyarakat kampung di Muar tidak wajar dikaitkan sebagai politik wang kerana ia diberikan bukan kepada anggota Umno tetapi untuk dimanfaatkan seluruh masyarakat.

Dr Mahathir berkata jika ada anggota parti yang mahu mendermakan wang kepada parti, ia hendaklah diberikan kepada ibu pejabat Umno atau Badan Perhubungan Umno Negeri untuk diagihkan kepada semua tempat.

"Jadi, ini tidaklah menimbulkan tuduhan bahawa kita menghulurkan derma itu untuk mendapatkan sokongan.

"Kalau kita betul-betul sayang kepada Umno dermalah kepada ibu pejabat dan Perhubungan yang akan mengagihkan kepada semua anggota Umno dan tidaklah hanya kepada bahagian sendiri sahaja," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sukar mengelakkan tuduhan itu kerana jika sumbangan derma diberikan kepada bahagian sendiri sahaja, ia cenderung dianggap sebagai satu usaha untuk mendapatkan sokongan daripada bahagian.

Katanya Umno tidak perlu memperkenalkan sebarang kod etika baru berkaitan politik wang dalam parti kerana Umno sudah mempunyai banyak kod etika, yang tidak akan memberi sebarang makna jika tiada tindakan diambil di bawah kod etika itu.

Secara berseloroh, Perdana Menteri berkata media juga perlu menyokong tindakan Umno membersihkan parti daripada politik wang.

"Jadi saya harap press pun akan sokonglah tindakan ini. Press very important people... press bermakna tekan... ini tekanlah ni," katanya sambil ketawa bersama-sama dengan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman yang turut hadir pada sidang media itu.

Mengenai lawatan dua harinya ke Johor, Dr Mahathir berkata beliau

berjumpa dengan semua pemimpin akar umbi di empat bahagian Umno iaitu Segamat, Bakri, Pontian dan Gelang Patah, yang memberinya peluang menjelaskan masalah yang dihadapi Umno dan tindakan yang perlu diambil bagi mengatasinya.

"Di masa yang sama saya juga berpeluang mendengar pandangan daripada bahagian-bahagian tentang masalah mereka dan persepsi mereka tentang masalah Umno dan ini semua menjadi pengajaran kepada saya," kata beliau.

Dr Mahathir menganggap lawatan itu sangat berguna dalam merapatkan hubungan pusat dengan akar umbi.

-- BERNAMA

MNY NAK